

Jenis Akhbar : Utusan Borneo Sabah

Tarikh : 21/04/2026

Edisi / Muka Surat : Sabah / 7

Tajuk : Teroka strategi baharu, tarik minat generasi milenia sertai koperasi



ALBUM: Ewon merakamkan gambar kenangan bersama sebahagian AJK MPKN Sabah, wakil kementerian dan agensi termasuk KUSKOP selepas mesyuarat pertama MPKN Sabah tahun ini.

## Teroka strategi baharu, tarik minat generasi milenia sertai koperasi

**KOTAKINABALU:** Koperasi Pekerja-Pekerja Kerajaan Sabah Berhad (KOEPEKS) merupakan antara koperasi yang menghadiri Mesyuarat Majlis Perundingan Koperasi Negeri (MPKN) Sabah, dekat sini baru-baru ini.

Mewakili KOEPEKS, Pengerusi KOEPEKS, Datuk Dr. Haji Saat Haji Ag Damit serta Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) KOEPEKS, Buvil Angkui.

Di majlis itu, KOEPEKS turut menyatakan sokongan terhadap Menteri Pembangunan Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan, Datuk Ewon Benedick serta kepentingan koperasi-koperasi untuk mencari strategi baharu dalam menarik minat generasi belia milenia bagi menyertai koperasi.

Katanya, penglibatan dan pendedahan aktiviti koperasi penting kepada golongan muda untuk meluaskan lagi peranan koperasi dalam masyarakat.

Buvil berkata, pendekatan mampan menggunakan aplikasi dan platform digital perlu digunakan sebaik mungkin kerana ia diyakini mampu menganjak penglibatan generasi muda dalam koperasi.

Dalam pada itu, Ewon semasa mesyuarat MPKN menyatakan sebanyak RM93.9 juta pembiayaan telah diluluskan kepada 34 koperasi di Sabah melalui Tabung Modal Pusingan Su-



MESYUARAT: Saat (duakanan) sedang meneliti kertas mesyuarat sementara Buvil (kanan) mendengar perkongsian mesyuarat pertama MPKN Sabah yang diadakan itu.

ruhanjaya Koperasi Malaysia (TMPSKM) bagi tempoh 2022 hingga 2026.

"Berdasarkan taklimat daripada Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Sabah, meskipun bilangan koperasi yang menerima kelulusan menunjukkan sedikit penyesuaian dari tahun 2022 hingga 2026, nilai pembiayaan yang disalurkan terus mencatat peningkatan yang mem-berangsangkan.

"Perkembangan ini mencerminkan fokus kepada pembiayaan projek yang lebih berimpak tinggi dan berskala besar, termasuk kelulusan berjumlah RM4.4 juta pada

tahun 2026," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat MPKN Sabah.

Mengenai mesyuarat MPKN Sabah, Ewon berkata, ia amat signifikan sebagai platform untuk meneliti serta mengangkat isu-isu koperasi di peringkat negeri sebelum dibawa ke Mesyuarat Majlis Perundingan Koperasi Peringkat Kebangsaan (MPKK).

"MPKN berperanan sebagai platform perbincangan isu dan pembangunan koperasi negeri, menyelaras kerjasama antara pihak berkepentingan serta menandatangani penambahbaikan program dan dasar koperasi

termasuk program latihan dan pembangunan," katanya.

Tambah beliau, di peringkat Kementerian Pembangunan Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan (MINDET), inisiatif awal telah dimulakan untuk meminda skop bantuan Tabung Khas Pembangunan Keusahawanan Menteri supaya turut mencakupi gerakan koperasi.

MPKN Sabah dianggotai seramai 28 ahli terdiri daripada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, wakil kementerian dan agensi termasuk KUSKOP, serta wakil gerakan koperasi.